

Remaja perlukan sentuhan kasih sayang



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

4B 27.06.2012 B4

MANUSIA merupakan sebaik-baik kejadian. Namun dalam mengharungi kehidupan sudah tentu pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi. Apatah lagi golongan remaja yang baru mengenali erti kehidupan. Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12-21 tahun. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa.

Pada usia sebegini pelbagai fiil akan muncul samada baik mahu pun yang kurang baik. Dalam lingkungan usia tersebut juga mereka terdedah dengan pelbagai ilmu yang hanya boleh didapati dihujung jari sahaja.

Sekiranya ibu bapa tidak memainkan peranan dalam menyelia dan mengawal perkembangan corak berfikir dan berkelakuan maka sudah tentu minda golongan tersebut akan memperolehi ilmu yang salah dan nescaya mereka akan menanamkan ilmu yang salah dalam kehidupan seharian. Lantaran itu sebagai ibu bapa perlu melakukan sesuatu yang proaktif untuk menarik minat anak-anak mereka untuk lebih mendekati dan berkongsi cerita seharian ;dengan tujuan memberikan peluang kepada anak-anak untuk

meluahkan sesuatu secara terbuka. Bagi ibu bapa yang peka dengan perkembangan anak-anak mereka akan merasakan perbezaan antara zaman kanak-kanak, remaja dan belia anak-anak mereka semasa sesi sembang-sembang tersebut.

Malah pada slot-slot yang sebegitu akan dapat menzahirkan apa yang terbuka dan tersembunyi dalam diri golongan remaja. Justeru itu bagi ibu bapa yang menyayangi anak-anak, mereka akan cuba sedaya upaya untuk duduk berborak, bersembang dan makan bersama-sama. Anak-anak pada tahap usia remaja ini pada kebiasaannya akan lebih suka bercakap sesama rakan sebaya mereka sahaja dalam pelbagai perkara. Ini disebabkan mereka merasakan

rakan-rakan lebih memahami apa yang diinginkan oleh naluri mereka berbanding ibu bapa sendiri.

Justeru itu bagi ibu bapa yang sibuk dan mementingkan kerjaya akan membekalkan anak-anak dengan iPad mahupun alat telekomunikasi yang lain untuk berhubung dengan anak-anak mereka. Mereka merasakan dengan alat-alat komunikasi tersebut akan dapat menjadikan penghubung antara mereka. Namun keadaan tersebut adalah tidak bermakna kerana sekadar komunikasi suara sahaja tanpa ada bersemuka dan secara psikologi ia seperti berhubung dengan orang lain dan tidak memberi makna yang 'special'. Berapa ramai di kalangan anda terpedaya dengan anak-anak melalui alat telekomunikasi?

Ramai di kalangan kita dek terlalu sibuk mengejar kerjaya leka dengan kejayaan sehinggakan anak-anak yang sedang meningkat remaja tercicir daripada akademik, mengalami masalah moral, terlibat dengan jenayah, terlibat dengan dadah dan sebagainya. Justeru itu dalam menarik minat para remaja belasan tahun untuk lebih menghargai diri Kelab Pemadam UMS telah berkampung selama empat hari tiga malam iaitu bermula pada 21 hingga 24hb Jun 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah II Semporna untuk menarik minat para pelajar tingkatan 4 hingga tingkatan 6 untuk lebih menghargai diri dan tidak terjebak dengan dadah. Program sebegitu sebenarnya dapat membuka mata para ibu bapa untuk

lebih mengerti bahawa anak-anak mereka sedang menginjak usia remaja dan memerlukan kasih sayang yang lebih. Lantaran itu dengan kedatangan YBhg ACP(K/S)Prof.Madya Datuk Dr.Hj Kasim Hj Md Mansur untuk merasmikan Majlis Penutupan Program menandakan golongan remaja juga amat memerlukan sokongan moral dalam mengharungi liku-liku kehidupan semasa tanpa mengira sempadan samada bandar mahupun desa. Dalam majlis tersebut juga beliau berpesan kepada para pelajar yang terdiri daripada golongan remaja untuk lebih menyayangi diri, katakan tidak kepada dadah dan gunakan zaman remaja untuk perkara-perkara yang berfaedah kepada diri, masyarakat, agama dan negara.